

NAMA: _____

KELAS: _____

UNIT 6 PERPADUAN

BAHASA MELAYU TINGKATAN 1

Unit 6

Perpaduan

Tema 3 : Ehsan Perpaduan

DSKP

Mendengar
dan Bertutur

SP 1.4.1

Berbual tentang kegiatan harian serta hal-hal persendirian menggunakan sebutan dan intonasi yang betul secara santun.

Lakonan perbualan di bawah setelah anda melengkapkan ruangan kosong dengan jawapan yang sesuai.

Anda dan rakan-rakan melawat rakan sekelas yang berlainan agama kerana mengalami keracunan makanan.

Ismie : Bagaimanakah _____ kesihatan kamu, Dewi?

Dewi : Saya sudah beransur sihat.

Ismie : Bagaimana kamu boleh terkena keracunan makanan?

Dewi : Entahlah Ismie, pada hari kejadian saya makan di sebuah gerai bersama Wong _____ Amir. Selepas makan saya berasa loya dan muntah-muntah. Saya rasa saya terkena keracunan makanan di situ.

Ismie : Bagaimanakah keadaan persekitaran di kawasan gerai itu?

Dewi : Semasa saya menjamu selera, terdapat banyak lalat menghurungi makanan. Saya menghalau lalat-lalat itu _____ makan. Terdapat juga anjing dan kucing menyelongkar tempat pembuangan sampah di situ.

Ismie : Bagaimanakah _____ Wong _____ Amir? Adakah mereka juga termakan makanan tercemar itu?

Dewi : Ya, Ismie. Mereka juga makan makanan itu dan terkena keracunan seperti saya. Amir sudah sihat _____ Wong masih berada di hospital.

Ismie : Apakah makanan yang kamu makan di gerai itu?

Dewi : Saya makan mi goreng _____ minum air sirap.

Ismie : Jika saya berada di situ, saya tidak akan membenarkan kamu makan. Lain kali kamu mesti berhati-hati dan memilih gerai yang bersih.

Dewi : Ya, Ismie. Lain kali saya _____ lebih berhati-hati memilih gerai makanan. Baiklah, mari kita pergi melawat Wong.

Ismie : Jom, Dewi.

PILIHAN JAWAPAN

dengan	dengan	dan	dan
dan	sambil	akan	manakala